

NO. SOALAN: 374

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN N. SURENDRAN A/L K. NAGARAJAN
[PADANG SERAI]**

RUJUKAN : 10130

SOALAN :

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan kewarganegaraan yang diberikan untuk kategori-kategori kewarganegaraan melalui kuatkuasa undang-undang (Perkara 14 Perlembagaan Persekutuan), pendaftaran (Perkara 15, 15A, 16 dan 16A), dan penaturalisasian (Perkara 19) dari tempoh 2007 hingga 2016 (10 tahun).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tempoh 2007 sehingga 2016, bilangan individu yang telah dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia melalui tiga kaedah pemerolehan seperti mana yang diperuntukkan dalam Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan adalah seperti berikut:

- i. 77,222 secara kuatkuasa undang-undang;**
- ii. 43,418 secara pendaftaran; dan**
- iii. 22,574 secara penaturalisasian.**